

Tiap-tiap sesuatu itu, baik atau buruk ada sahaja hikmahnya

“Saat ini adalah salah satu saat yang amat penting bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, saat mengingati sepuluh tahun yang pertama perjalanan, perjuangan dan pengalamannya. Selalunya pada saat-saat seperti ini, misalnya pada ketika bersejarah upacara pembukaan bangunan Dewan Bahasa lima tahun yang lalu, amatlah banyak yang hendak saya katakan. Tetapi sudahlah ternyata pada saat seperti ini saya kehilangan kata-kata sama sekali. Sepuluh tahun suka dan duka, sepuluh tahun pahit dan manis, sepuluh tahun puji dan keji, sepuluh tahun jaya dan kecewa, semuanya berombak dan bergelombang di dalam dada saya. Dan saya adalah manusia biasa yang tidak sebesar dan sebeku gunung yang dapat menahan segala sesuatu. Saya terharu, saya merasa hanyut oleh perasaan-perasaan yang berombak dan bergelombang itu. Maafkanlah saya, kalau ucapan ini tidak menggambarkan seluruh apa yang patut saya katakan untuk menggulung sepuluh tahun yang kita lalui itu.” – Kata Tuan Syed Nasir dalam membuka hari 10 tahun Dewan Bahasa dan Pustaka di Dewan Budaya pada pagi Khamis 27 Julai 1967.

“Melihat muka dan wajah tuan-tuan di sini, wajah dan muka sebahagian dari orang-orang yang ikut bersama-sama memperjuangkan cita-cita Dewan ini dengan tenaga, fikiran, ilmu pengetahuan, waktu dan juga pengaruh masing-masing dengan tidak penat-penat dan jemu-jemunya dan tidak bosan-bosannya maka hati saya semakin terharu, semakin bergelombang dan bergelora. Saya tidak tahu apakah yang hendak saya katakan dalam ketika seperti ini kepada tuan-tuan sekalian dan kepada seluruh bangsa kita yang telah ikut bersama kita semua mendayungkan bahtera Dewan ini sepuluh tahun lamanya. Tuan-tuan semua tahu betapa bernilainya waktu sepuluh tahun yang telah kita isi dengan segala daya upaya kita itu, dengan seluruh hati dan nadi kita.”

“Saya teringat betapa besarnya gelombang yang memukul Dewan ini waktu saya mula ditugaskan

menggantikan Ungku Aziz dalam bulan Mei 1957. Keadaan yang menyelubungi hal-hal pertadbiran, kewangan, dan lain-lainnya sangat merumitkan dan di samping itu keadaan dan kedudukan Bahasa Melayu yang begitu terbiar, baik dalam lapangan pertadbiran, lapangan persekolahan, kebudayaan dan ilmu pengetahuan adalah merupakan hutan belantara yang bukan sahaja penuh onak dan duri untuk ditebas dan ditebang tetapi juga penuh dengan musuh-musuh yang buas yang mesti dihadapi. Saya tak dapat melupakan keadaan-keadaan dan suasana di waktu itu kerana ada di antara orang-orang yang sangat saya sanjung tinggi dalam perjuangan bahasa ini pun ikut menyatakan ragu-ragunya akan kemungkinan bahawa bahtera Dewan ini akan dilayarkan dengan jaya. Syukurlah peristiwa dan keadaan yang memberatkan hati saya itu tidak sampai mematahkan semangat saya dan kakitangan Dewan ini,

dan syukurlah bantuan dan sokongan sepenuhnya telah timbul semula, terutama setelah pejabat Dewan ini dipindahkan dari Johor Baharu ke Kuala Lumpur.” - katanya.

Setelah menyebut ucapan-ucapan terima kasihnya atas yang diberikan kepada Dewan, Tuan Syed Nasir terus berkata:

Saya juga tidak dapat melupakan golongan-golongan yang selalu mengambil kesempatan mengecam dan ada pula yang menghentam Dewan ini dengan tujuan-tujuan mereka sendiri. Saya dan Dewan ini sebagai sebuah badan yang mempunyai tugas-tugas khas dan tertentu dalam perjuangan kebangsaan, kita tidak hairan sama sekali akan adanya golongan-golongan penentang itu. Dan pada saat seperti ini saya merasa dengan terharu bahawa tentangan mereka telah memberikan tenaga-tenaga tambahan bagi saya dan seluruh Dewan ini

untuk bekerja lebih keras dan bersemangat lebih teguh menyatakan kebenaran dan melahirkan hasil yang mereka ragu-ragukan. Saya yakin kepada ajaran agama saya bahawa tiap-tiap sesuatu itu, baik atau buruk, tuah atau celaka, ada belaka khidmatnya. Saya sedar bahawa tidak satu pun kebenaran di dalam dunia ini yang terserlah dengan sendirinya. Ia harus diperjuangkan dan diusahakan.

Berkat ini semua, berkat yakin kepada kebenaran, berkat yakin kepada cita-cita kebangsaan dan negara dan berkat bantuan, sokongan serta juga tentangan itu seluruhnya maka *al-hamduli 'Lāh* kita telah sampai ke akhir pelayaran dalam jangka waktu sepuluh tahun yang pertama dengan kejayaan-kejayaan yang amat menggirangkan. Sampai ke akhir pelayaran sepuluh tahun pertama ini bukanlah bererti sampai ke pulau cita-cita. Ini hanya satu pelabuhan dari mana kita akan memulakan pula pelayaran sepuluh tahun kedua.

Elok rasanya saya kemukakan sebagai ingatan dan bandingan untuk masa-masa akan datang apa-apa yang telah dialami dan dihasilkan oleh Dewan Bahasa selama sepuluh tahun yang pertama ini. Tetapi tidaklah dapat semuanya disebutkan satu persatu kerana walaupun sepuluh tahun tidak lama dalam erti perjuangan satu bangsa tetapi cukup banyak yang mesti dialami dan dikerjakan untuk satu bangsa yang berebut-rebut dengan waktu dalam usaha pembangunannya.

Pada masa ini saya dan

seluruh mereka yang berkaitan dengan Dewan ini termasuk ahli-ahli pengelola, pegawai-pegawai dan kakitangan serta pembantu-pembantu sukarela yang terdiri dari ahli-ahli Jawatankuasa Istilah, penulis-penulis dan guru-guru yang terlibat dengan penerbitan-penerbitan Dewan ini dapatlah merasa gembira melihat dan merasai kenyataan bahawa Dewan ini dalam masa tujuh tahun, yaitu mulai tahun 1959, tahun ia dijadikan perbadanan hingga akhir tahun 1966 telah dapat menerbitkan 475 tajuk buku dengan jumlah naskhah 28 juta. Dengan penerbitan-penerbitan itu siapa pun tidak dapat menyangkal lagi sekarang bahawa buku-buku dalam Bahasa Kebangsaan sudah ada untuk memajukan pelajaran di sekolah-sekolah. Buku-buku yang penting dan pokok untuk segala mata pelajaran di sekolah mulai darjah satu sekolah rendah hingga tingkatan lima sekolah menengah sudah ada semuanya. Dengan bantuan guru-guru yang ghairah dan penuh semangat untuk memajukan pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan maka kekurangan yang masih ada mengenai buku-buku tambahan yang berbagai jenis seperti yang banyak terdapat dalam Bahasa Inggeris telah dapat diatasi oleh inisiatif guru-guru itu dan jumlah murid-murid Melayu yang lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dalam jurusan *Arts* dan *Science* meningkat setiap tahun. Akan tiba pula masanya buku-buku tambahan itu dapat diselenggarakan bagi semua mata pelajaran.

Memandang ke belakang ke masa-masa yang telah dilalui itu saya teringat ada masa-masanya saya dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di Dewan ini ini¹ ada yang menangis (menangis betul-betul) kerana didesak oleh perasaan hampir putus asa untuk menunaikan tugas-tugasnya mengikut jadual dan rancangan yang ditetapkan. Ada masanya segala usaha yang sudah selesai dikerjakan untuk penerbitan sebuah buku terpaksa ditahan dan dikerjakan semula kerana perubahan sukatan pelajaran dan ada pula masanya rancangan terpaksa ternanti-nanti hingga bertahun-tahun oleh sebab buku terjemahan yang diusahakan di luar belum siap atau sudah siap tetapi tersangkut pula di tangan pentashih atau terpaksa diubah segala istilah di dalamnya. Semua orang yang membantu penterjemahan dan mentashihkan buku-buku Dewan ini adalah orang-orang yang penting yang sibuk belaka dalam tugas masing-masing. Mereka pun tentu ingin menangis kalau tangisan itu boleh melegakan kesibukan mereka. Kalau kami menangis pun kami hanya hendak meringankan tekanan di dalam dada kami sahaja. Cerita menangis itu tidak akan membaiki keadaan. Kami bekerja terus. dan berhasil,

Tetapi itu satu sahaja contoh mengapa ada masanya kami begitu terdesak oleh perasaan hampir putus asa. Banyak lagi waktu-waktunya saya sendiri menghadapi kesesakan nafas bila

¹ Berlaku pengulangan perkataan 'ini' yang tidak diperlukan.

orang-orang politik mencuba hendak memporak-perandakan perjuangan Dewan ini dengan hujah-hujah politiknya. Saya tidak hairan kalau orang tersalah kritik sebab tidak tahunya, tetapi saya sungguh-sungguh terharu apabila orang yang tidak tahu tidak pula mahu mengambil tahu atau sengaja tidak hendak mengambil tahu supaya ketidak tahunnya boleh digunakan menjadi alasan untuk membidas bagi kepentingan politik atau diri masing-masing. Di waktu-waktu seperti itu saya bukan menangis kerana sedih tetapi kerana terharu melihat bahawa kebenaran selalunya mesti diperjuangkan.

Segala itu terjadi belaka dalam berbagai-bagai kesibukan mengadakan buku-buku, mengadakan gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan mentadbirkan 24 jawatankuasa istilah, menyusun Kamus Kebangsaan, mendirikan sebuah perpustakaan, menjalankan penyelidikan sastera lama dan baharu dan lain-lain lagi. Ada pula usaha yang memerlukan tenaga dan fikiran tidak putus-putus untuk mencapai tujuan menjadikan Dewan ini sebuah perbadanan sebab dengan menjadi perbadanan akan dapat dimudahkan berbagai-bagai kerja mengenai kewangan dan pertadbiran serta pengambilan kakitangan. Demikian juga usaha mendapatkan tanah dan mendirikan bangunan yang ada ini.

Jika saya memikirkan kembali keadaan sepuluh tahun yang lalu

di waktu mula-mula Dewan ini dipindahkan dari Johor Baharu ke ibu kota ini maka pada hari ini saya merasa seperti seorang yang bangun dari mimpi yang dahsyat. Sesungguhnya pengalaman beberapa tahun yang awal itu lebih dari satu mimpi yang amat dahsyat yang payah hendak dipercayai apabila kita melihat di mana dan dalam keadaan bagaimana kita berada sekarang.

Pada waktu itu kami bekerja dalam sebuah bangunan bekas *ward* rumah sakit di Jalan Yong. Tempat yang sempit itu sudahlah satu perkara yang pada akhirnya kami semua terpaksa berebut tempat dengan hasil pekerjaan kami sendiri, yaitu buku-buku yang bertong-tong mesti dimuatkan di bangunan itu. Perjuangan kami untuk mendapatkan stor penyimpanan buku yang agak baik tidak mudah dipaham oleh orang lain kerana yang biasa disimpan oleh kerajaan ialah barang-barang kasar seperti perkakas-perkakas jentera dan sebagainya. Akhirnya perjuangan kami tidak lagi untuk mendapatkan stor itu tetapi untuk mendapatkan taraf perbadanan kerana dengan menjadi perbadanan sahaja hal-hal kami yang tidak dipaham oleh orang lain dapat kami selesaikan sendiri. Ini terutama sekali dalam soal membelanjakan wang dan mengambil kakitangan.

Apabila kami telah menjadi perbadanan dalam tahun 1959 maka pecahlah empangan yang menyekat kelancaran tugas-tugas kami, tetapi

dalam masa yang singkat sahaja kami rasai bahawa kami sebenarnya terlalu kecil untuk memikul tugas yang begitu besar. Kami memerlukan wang yang banyak, kakitangan yang ramai dan terlatih, bangunan yang lebih sesuai dan lapang.

Pengerusi Lembaga Pengelola kami yang baharu setelah Dewan ini dijadikan perbadanan adalah di antara orang-orang yang mengikuti sedar dan aktif² akan kesulitan-kesulitan yang kami hadapi dan bersama dengan ahli-ahli Lembaga Pengelola semuanya kami mendapatkan tanah dan mendirikan bangunan ini. Semenjak itu kami tidak mengeluh lagi. Kami hanya bekerja dan melupakan segala kesulitan serta mengatasinya dengan akal ikhtiar sendiri.” Seterusnya beliau berkata:

Untuk satu contoh sukalah saya menerangkan di sini bahawa tahun 1966 Dewan ini berbelanja lebih dari 6 juta ringgit sedangkan bantuan yang kami terima dari kerajaan untuk tahun itu adalah dua juta setengah sahaja. Kekurangan yang lebih dari tiga juta setengah itu kami hadapi dengan usaha kami sendiri. Penjualan buku sahaja dalam tahun itu meningkat lebih dari 4 juta ringgit.

“Tetapi apa yang sebenarnya dihadapi oleh Dewan ini bukanlah masalah kewangan dan kemudahan-kemudahan bekerja yang lainnya sahaja. Masalah terbesar di samping itu ialah sikap orang ramai terhadap

² Perkataan sebenarnya adalah aktif.

Bahasa Kebangsaan.

Sikap orang ramai ini adalah perkara yang amat merumitkan. Orang ramai dari semasa ke semasa dikelirukan oleh cakap-cakap, hujah-hujah dan penerangan-penerangan yang membayangkan kekarutan dan kekacauan apabila Bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa rasmi negeri ini. Cakap-cakap, hujah-hujah dan penerangan serta kempen-kempen besar-besaran seperti Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang menekankan pentingnya orang mempelajari dan melengkapkan diri dengan Bahasa Kebangsaan sebelum 1 September 1967 kadang-kadang menjadi basi sebab cakap-cakap tentang pentingnya Bahasa Inggeris itu. Orang seolah-olah tidak mempercayai bahawa persiapan kita sudah lengkap, buku-buku sudah banyak untuk sekolah dan orang ramai, kelas-kelas Bahasa Kebangsaan dijalankan di merata-rata tempat, guru-guru Bahasa Kebangsaan bertambah tiap-tiap tahun dan Bahasa Kebangsaan itu sendiri sudah menerima kemajuan dan perkembangan yang amat pesat semenjak lepas dari tindasan penjajahan dalam zaman sebelum merdeka. Pejabat-pejabat kecil yang menguruskan urusan-urusan kecil pun mendakwa kononnya Bahasa Melayu tidak cukup istilah atau sebagainya untuk digunakan dalam urusan pejabat-pejabat itu, padahal Dewan Bahasa ini sebagai contoh telah berdirinya sepuluh tahun dengan Bahasa Kebangsaan sahaja. Urusannya bukan dengan orang-orang kecil sahaja tetapi

sekurang-kurangnya dengan 30 buah negara.

“Kalau sekadar menjalankan perniagaan atau urusan pejabat-pejabat kerajaan sahaja tidaklah patut lagi orang ramai merasa ragu-ragu dengan kesanggupan Bahasa Melayu. Tetapi yang menimbulkan keraguan itu ialah kesanggupan masing-masing. Dan ini adalah perkara yang amat besar kerana tiap-tiap orang bebas dengan kemahuan dirinya sendiri”.

“Bagaimana pun soal ini bukanlah seratus peratus tugas Dewan Bahasa. Mudah-mudahan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal mulai 1 September tahun ini tidak akan tergendala oleh sikap orang ramai itu.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan berjalan terus dengan tugas-tugasnya yang lebih maju dan lebih luas. Persiapan sedang dibuat sekarang untuk mendirikan bangunan tambahan di belakang bangunan yang ada ini. Bangunan baharu itu setinggi ~~enam tingkat akan memampung kemungkinan-kemungkinan~~ Dewan ini menjadi sebuah badan penerbitan yang sungguh-sungguh besar yang akan mendokong segala jenis hasil penulisan dalam Bahasa Kebangsaan dan juga cawangan Bahasa Cina dan Tamil seperti yang telah dirancang beberapa tahun yang lalu. Juga diharapkan Dewan ini akan menjadi pusat kegiatan bahasa dan sastera secara yang lebih ilmiah dan mendalam untuk kepentingan kebangsaan dan antara bangsa.

“Saya rasa kemajuan

Bahasa Kebangsaan kita, iaitu Bahasa Melayu ini, akan dengan sendirinya kelak menghapuskan anggapan rendah dan pandangan yang buruk kepada kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu pengetahuan. Kita sebenarnya berhadapan dengan pengaruh didikan dan pandangan hidup yang ditinggalkan oleh penjajah di dalam dada anak bangsa kita, bukan dengan kerendahan dan kelemahan bahasa kita. Bahasa Inggeris memanglah satu bahasa yang penting dan besar dalam dunia ini, tetapi Bahasa Kebangsaan kita bukanlah bahasa yang tidak penting bahkan lebih penting untuk kehidupan kebangsaan kita.” katanya.

“Kepada masyarakat seluruhnya saya ingin berseru: Tinjau-tinjaulah kami di Dewan ini dengan hati terbuka, *in shā-Allāh* antara Dewan ini dengan segala lapangan masyarakat akan timbul pengertian yang lebih mendalam. Perjuangan Bahasa Kebangsaan yang ditugaskan kepada Dewan ini sekarang memasuki sepuluh tahunnya yang kedua memerlukan lebih banyak kerjasama, persefahaman dan sokongan serta bantuan orang ramai, terutama golongan-golongan pemimpin-pemimpin, penulis, guru dan kaum intelek.” kata beliau.

Kata-kata Hikmah

Orang yang jahil itu tidak dapat merasa akan kelazatan ilmu pengetahuan, sebagaimana orang yang selesema itu tidak dapat mengecapi keharuman bau bunga.